

Perlu ikhlas berkhidmat untuk rakyat

FOTO: BERNA

Tuanku Muhriz bertitah para pemimpin perlu letakkan kepentingan negara melebihi kepentingan sendiri

KUALA PILAH.

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir bertitah, pemimpin yang diberikan mandat oleh rakyat perlu mempunyai keikhlasan tinggi untuk berkhidmat demi rakyat dan meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan sendiri.

Baginda bertitah, ini kerana konflik dan budaya politik yang sempit hanya akan memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak stabil serta rapuh.

"Walaupun dalam kalangan kita wujud perbezaan agenda dan ideologi, namun beta yakin tentu ada persamaan terutama dalam agenda pembangunan dan kebajikan rakyat bagi membentuk negara yang lebih makmur," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan Ke-75 baginda di Balairong Seri, Istana Besar Seri Menanti dekat sini, pada Sabtu.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Tuanku Muhriz bertitah, momentum pemulihan ekonomi Negeri Sembilan pada 2021 dilihat terus ampuh dengan pertumbuhan positif tiga peratus berbanding rekod penyusutan pada tahun sebelumnya menerusi usaha proaktif kerajaan negeri menangani cabaran pasca Covid-19 dan penyusunan strategi bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi secara inklusif.



Tuanku Muhriz dan Tunku Aishah Rohani berkenan berangkat ke majlis Hari Keputeraan ke-75 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan di Padang Awam Seri Menanti pada Sabtu.

Tuanku Muhriz turut mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri kerana berjaya merekodkan pencapaian jumlah kutipan hasil yang begitu baik iaitu RM521 juta sepanjang 2022, melebihi sasaran awal sebanyak RM432 juta.

Namun, titah baginda, dalam kelegaan menikmati pertumbuhan ekonomi negeri yang semakin baik, prospek ekonomi dunia tahun ini dijangka suram dan bakal mengalami kelembapan.

Sehubungan itu, baginda turut menyeru kepada semua sektor awam untuk meningkatkan lagi kecekapan tadbir urus, sistem penyampaian dan pengurusan serta perkhidmatan kepada rakyat.

Seramai 540 individu menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan ke-75 baginda, dengan bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Dr Razali Ab Malik dan Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Datuk Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir mendahului senarai penerima.

Kedua-duanya dianugerahkan Darjah

Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) yang membawa gelaran Datuk Seri. - Bernama



Tuanku Muhriz (kanan) berkenan mengurniakan pingat kebesaran kepada Abdul Aziz pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat bersempena Hari Keputeraan ke-75 baginda di Balairong Seri, Istana Besar Seri Menanti.



Tuanku Muhriz berkenan memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Utama sempena Hari Keputeraan ke-75 baginda.